

## AMALAN 10 HARI AWAL ZULHIJJAH

28 ZULKADEAH 1442H / 9 JULAI 2021M

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِي لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَّقَوِّيُ اللَّهُ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,**

Tidak lama lagi, umat Islam akan berada dalam bulan Zulhijjah. Keistimewaan bulan ini tidak terhad kepada sifatnya sebagai bulan haji, atau bulan haram, atau sambutan Hari Raya Aidiladha sahaja, tetapi

terdapat banyak kelebihan yang Allah Subhanahu wa Taala berikan kepada umat Islam dalam bulan ini. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Fajr ayat 1 hingga 2:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَالْفَجْرِ ۖ وَلِيَالٍ عَشْرِ

Yang bermaksud: *Demi waktu fajar, dan malam yang sepuluh (yang diberikan kelebihan oleh Allah).*

Menurut kebanyakan riwayat dalam kitab tafsir, yang dimaksudkan dengan 10 malam dalam ayat ini, adalah 10 hari yang pertama dalam bulan Zulhijjah. Ini selari dengan hadis Nabi Muhammad *Sallallahu Alaihi wa Sallam* yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari yang bermaksud: *Tiada hari-hari yang amalan soleh yang paling disukai oleh Allah untuk dilakukan melainkan hari-hari ini, iaitu 10 hari pada awal Zulhijjah.* Para sahabat bertanya, “Wahai Rasulullah, walaupun jihad di jalan Allah tidak dapat menandinginya?” Baginda bersabda, “Walaupun

*jihad di jalan Allah tidak dapat menandinginya, melainkan seorang lelaki yang keluar berjihad bersama hartanya, kemudian dia langsung tidak kembali (mati syahid). ”*

Dalam Kitab Fathul Bari, al-Hafiz Ibnu Hajar al-Asqalani berkata, “Sebabkeistimewaan sepuluh hari pertama Zulhijjah ialah kerana terhimpunnya semua ibadah utama padanya iaitu solat, puasa, zakat dan haji, yang mana ianya tidak berlaku pada masa yang lain.

Maka menjelang tibanya bulan Zulhijjah, marilah kita bersama-sama membuat persiapan untuk beramal ibadah pada hari-hari yang penuh dengan kelebihan ini. Antaranya, ialah dengan memperbanyakkan zikir. Dalam Musnad Imam Ahmad, setelah menjelaskan kelebihan beramal pada 10 hari pertama dalam bulan Zulhijjah, Nabi *Sallallahu Alaihi wa Sallam* bersabda:

فَأَكْثِرُوا فِيهِنَّ مِن التَّهْلِيلِ وَالْتَّكْبِيرِ وَالْتَّحْمِيدِ

Yang bermaksud: ... *perbanyakkanlah padanya bertahlil, bertakbir dan bertahmid dalam 10 hari pertama Zulhijjah.*

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,**

Selain itu, umat Islam juga digalakkan berpuasa pada hari Arafah.

Disebut dalam Sahih Muslim,

وَسُئِلَ عَنْ صَوْمٍ يَوْمَ عَرْفَةَ؟ فَقَالَ : يُكَفِّرُ السَّنَةُ الْمَاضِيَّةُ وَالْبَاقِيَّةُ

Yang bermaksud: ... *Nabi ditanya mengenai puasa hari Arafah. Jawab Nabi, “menghapuskan dosa tahun lalu dan akan datang...”*

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,**

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ۝ ۱ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحِرْ ۝ ۲ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ

Yang Bermaksud: “Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan akhirat). Oleh itu, kerjakanlah solat kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur).

*Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, Dia lah yang terputus (dari medapat sebarang perkara yang diingininya). ”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ。وَنَفَعَنِي وَإِنَّكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ。وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلاؤتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ。أَقُولُ قَوْلِي هَذَا  
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ